

*INSTITUT TEKNOLOGI MARA
MELAKA*

*ASAS KEUSAHAWANAN
ETR 300*

*RANCANGAN PERNIAGAAN
PENTERNAKAN IKAN HARIUAN
SRI ANDALUS AKUATIK*

DISEDIAKAN UNTUK:

*PROF. MADYA TUAN HJ ILLIAS B. ZAIDI
PENSYARAH TUTORIAL ETR 300*


DISEDIAKAN OLEH :

<i>NOORAZILAH BT. MOHAMED</i>	<i>96735047</i>
<i>NAZRAH BT. YAHAYA</i>	<i>96797213</i>
<i>W. MASNIZA BT. W. KAMARUDIN</i>	<i>96680722</i>
<i>SY MOHD TAMIMUDDIN B. SY IBRAHIM</i>	<i>96881845</i>
<i>NORHAIZI B. RAHMAT</i>	<i>96693054</i>

DPA 5E

*BAGI MEMENUHI KEPERLUAN MATAPELAJARAN
ASAS KEUSAHAWANAN
ETR 300*

*5 OKTOBER 1998
SESSI JUN-OKTOBER 1998*



INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:
Surat Tuan:
Surat Kami:

23hb. Jun 1998
100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963
06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Noorazilah bt. Mohamed	96735047
2.	Nazrah bt. Yahaya	96797213
3.	Wan Masniza bt. Wan Kamarudin	96680722
4.	Sayed Mohd Tamimuddin	96881845
5.	Norhaizi bin Rahmat	96693054

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarkan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

Sri Andalus Akuatik
Diploma Pentadbiran Awam
Institut Teknologi MARA
78000 Alor Gajah
Melaka

7 September 1998

Prof. Madya Tuan Haji Illias Zaidi
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
Institut Teknologi MARA
78000 Alor Gajah
Melaka

Tuan

**PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN PENTERNAKAN
IKAN HARUAN DAN PERKARA YANG BERKAITAN**

Merujuk kepada perkara di atas, kami dengan sukacitanya melampirkan satu laporan projek perniagaan untuk mengusahakan sebuah perniagaan iaitu Projek Ternakan Ikan Haruan pada tahun 2000 di Kampung Belimbing Dalam, Melaka kepada pihak tuan.

2 Tujuan laporan Rancangan Perniagaan ini adalah untuk menilai keupayaan kami di dalam soal perniagaan kerana projek ini bakal diusahakan kelak pada masa hadapan

3 Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak tuan di atas sokongan, dorongan, nasihat serta tunjuk ajar yang telah diberikan bagi menyiapkan tugas ini.

Sekian, terima kasih

Yang benar

NORHAIZI BIN RAHMAT
Ketua Kumpulan Sri Andalus Akuatik
Projek Penternakan Ikan Haruan

PENGENALAN

Badan yang sihat datang daripada minda yang cerdas. Minda yang cerdas adalah hasil daripada pemakanan yang seimbang dan berkhasiat. Khasiat ikan haruan mampu memberi keenakan kepada pengemar makanan hidupan air dan menyembuh pelbagai penyakit sama ada dari aspek zahir dan batin. Dengan terlahirnya syarikat *Sri Andalus Akuatik* iaitu pembekal ikan haruan maka impian masyarakat akan terlaksana serta mampu memenuhi keinginan masyarakat di samping memupuk masyarakat kearah pemakanan yang berkhasiat.

Sri Andalus Akuatik merupakan satu syarikat yang menceburkan diri dalam industri akuakultur. Akuakultur bukan satu bidang yang asing di negara kita, sebaliknya kegiatan yang dulunya lebih banyak di usahakan oleh orang perseorangan kini mula mendapat tempat di kalangan syarikat swasta selepas perusahaan ini didapati berdaya maju dan mendatangkan pulangan yang amat lumayan. Sebagai contohnya salah satu syarikat yang berjaya ialah **KUB BERHAD** yang menjalankan perusahaan penternakan ikan air tawar menerusi anak syarikatnya iaitu **KUB Agrotech Sdn Bhd**.

Oleh itu, kami telah bertekad untuk mencontohi kejayaan Syarikat KUB tersebut dengan menceburkan diri di dalam bidang penternakan ikan air tawar. Ini kerana kami merasakan bahawa bidang tersebut mempunyai potensi untuk maju pada masa hadapan. Selain dari itu, bidang ini juga diyakini menyediakan peluang yang luas dalam perniagaan pengeluaran ikan makanan untuk pasaran tempatan dan eksport. Menurut sumber, keperluan ikan makanan negara ini dianggarkan sebanyak 850,000 tan metrik setahun bernilai kira-kira RM 25 juta. Bekalan ikan makanan daripada sumber tempatan adalah kira-kira 600,000 tan metrik setahun manakala jumlah import ikan makanan melebihi 200,000 tan metrik bernilai hampir RM 800 juta setahun.

Ikan haruan dikatakan mempunyai nilai perubatan dan mempunyai potensi untuk berdaya maju. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Universiti Pertanian Malaysia (UPM), ikan haruan berupaya untuk menyembuhkan luka dalaman dan luaran, dan juga amat bermanfaat terutama bagi wanita selepas bersalin dan juga mujarab untuk menyembuhkan luka bekas pembedahan. Kajian saintifik juga menyatakan bahawa ikan ini juga mengandungi unsur perubatan dan ia sekadar menguatkan lagi kepercayaan tradisional. Selain dari itu ikan haruan juga mengandungi *18 jenis asid amino* dan sekurang-kurangnya tujuh daripada asid itu mampu memulihkan dan juga mengubati penyakit kulit. Seterusnya produk berasaskan ikan haruan juga kini banyak di pasaran terutamanya dalam bentuk pati yang dimasukkan dalam kategori makanan kesihatan tetapi bekalannya adalah bergantung kepada import. Atas faktor inilah kami telah sepakat untuk menjalankan penternakan ikan haruan bagi menampung permintaan yang semakin menggalakkan.

Untuk menjalankan perniagaan ini, lokasi yang telah dipilih ialah Kampung Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka. Keluasan tapak projek ialah 6 ekar dan untuk permulaan sebanyak 6 buah kolam akan dibina dengan kos RM 1000 sebuah. Kami telah memilih lokasi tersebut kerana ia sangat strategik, memudahkan urusan penjualan kepada pembeli dan mempunyai infrastruktur serta kemudahan asas yang

cukup dan sempurna. Kami juga telah bersetuju untuk mendaftarkan syarikat kami dengan nama *Sri Andalus Akuatik*. Syarikat kami telah memilih bentuk perniagaan perkongsian dengan modal sebanyak RM 205,000 iaitu RM 55,000 melalui ahli kongsi dan RM 150,000 melalui pinjaman dari Bank Pertanian Malaysia. Ini kerana kelebihan-kelebihan yang terdapat di dalam perniagaan perkongsian seperti mendapat kemudahan kewangan daripada pihak institusi kewangan dan juga pembekal, tanggungjawab pengurusan pengendalian perniagaan dapat dibahagikan antara rakan kongsi dan juga perniagaan dapat dikembangkan atas daya usaha, idea, kebolehan serta kemahiran ahli-ahli kongsi.

Oleh itu besarlah harapan kami agar perniagaan kami pada suatu hari nanti akan menjadi sebuah perniagaan Bumiputera yang berjaya.